



Ruj : PA.BPA.100-1/4/2 (35)

Tarikh : 05 Rabiul Awwal 1437H
17 Disember 2015

Timbalan Ketua Pengarah Pertahanan Awam

Pengarah Bahagian Ibu Pejabat Pertahanan Awam

Pengarah Pertahanan Awam Negeri

Komandan Akademi / Pusat Latihan

Pegawai Pertahanan Awam Daerah

Tuan,

**ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH BIL. 02 TAHUN 2015
PENYELARASAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT LELAKI DAN WANITA
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Arahan Jabatan ini dikeluarkan adalah untuk membuat penyelarasan pemakaian baju korporat lelaki dan wanita bagi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.
- 1.2 Mesyuarat telah memutuskan bahawa satu penguatkuasaan berkaitan pemakaian baju korporat bagi pegawai dan kakitangan lelaki dan wanita Jabatan Pertahanan Awam Malaysia perlu dilaksanakan selaras dengan imej jabatan sebagai agensi beruniform.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia sebelum ini tidak mempunyai baju korporat yang khusus yang boleh dipakai untuk melambangkan semangat kerjasama di kalangan warga JPAM.

- 2.2 Pihak pengurusan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mendapati perlu membuat penambahbaikan berkaitan dengan pemakaian baju korporat bagi pegawai dan kakitangan lelaki dan wanita Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.3 Arahan Jabatan ini bertujuan untuk menetapkan "*standard*" penyeragaman pemakaian baju korporat yang digunapakai oleh semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya dan memantau pelaksanaan pemakaian baju korporat oleh semua pegawai / kakitangan di bawah seliaan masing - masing demi meningkatkan imej korporat JPAM.

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1 Seksyen 5 - Akta 221, Akta Pertahanan Awam Malaysia 1951 (Disemak 1979);

“ Ketua Pengarah Pertahanan Awam Boleh Membuat Peraturan - Peraturan Berkaitan Pengurusan Angkatan ”

4.0 PELAKSANAAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT

- 4.1 Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP)
 - 4.1.1 Pemakaian baju korporat oleh pegawai / kakitangan lelaki dan wanita Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dibolehkan memakai dalam masa menjalankan tugas rasmi di lapangan, menghadiri kursus, perhimpunan, seminar, penugasan audit dan lain - lain.
- 4.2 Skim Gunasama Daripada Ahli Bersekutu (Gred 41 - Ke Atas)
 - 4.2.1 Pemakaian baju korporat oleh pegawai / kakitangan lelaki dan wanita Jabatan Pertahanan Awam Malaysia digalakkan untuk memakai semasa menghadiri tugas rasmi di lapangan, menghadiri kursus, seminar, bengkel, penugasan audit dan lain - lain.

4.3 Skim Gunasama Bukan Ahli Bersekutu (Gred 40 - Ke Bawah)

4.3.1 Pemakaian baju korporat oleh pegawai / kakitangan lelaki dan wanita Jabatan Pertahanan Awam Malaysia digalakkan untuk memakai semasa menghadiri perhimpunan bulanan jabatan, tugas rasmi di lapangan, menghadiri kursus, seminar, bengkel, penugasan audit dan lain - lain.

4.4 Baju Korporat Lelaki

4.4.1 Bagi pegawai / kakitangan lelaki, baju korporat hanya boleh dipakai bersama - sama seluar panjang (*slack*) / *khakis* dengan keutamaan kepada warna gelap / biru *royal blue*.

4.5 Baju Korporat Wanita

4.5.1 Bagi pegawai / kakitangan wanita, baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh berbentuk "A" (A-line skirt) paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam dan tudung berwarna hitam / *dark blue* / *royal blue*.

4.6 Warga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

4.6.1 Semua warga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia boleh membuat / membeli / memakai baju korporat bagi majlis separuh rasmi Pertahanan Awam.

5.0 PERUNTUKAN / PEMBEKALAN / PEMBELIAN

5.1 Pembekalan baju korporat tidak boleh menggunakan peruntukan jabatan / bahagian dan hendaklah dibiayai sendiri oleh pegawai / kakitangan. Perkara ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 08 Tahun 2008 di para 25 yang menyatakan bahawa pembekalan baju korporat jabatan / bahagian yang menggunakan peruntukan kerajaan juga dihentikan serta - merta.

5.2 Keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Semasa Mesyuarat Pengurusan JPAM Bil. 04 / 2013 Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Bertarikh 10 Jun 2013 di Bilik Mesyuarat Utama Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia. (" Mesyuarat bersetuju dan memutuskan supaya Jabatan tidak akan menanggung pembelian baju korporat untuk pegawai - pegawai kanan Jabatan. Setiap pegawai yang membuat tempahan baju tersebut dikehendaki untuk menanggung sendiri. Perkara ini dipanjangkan peringkat ketua PTJ ".)


6.0 TARIKH KUATKUASA

Arahan Jabatan ini berkuatkuasa serta - merta pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.




“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ SEDIA PANTAS BERINTEGRITI ”



(KPj. (PA) OGU SALIM BIN OMAR)
Ketua Pengarah
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

SPESIFIKASI PEMAKAIAN BAJU KORPORAT
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI
1.	<p data-bbox="304 499 742 528">KEMEJA LELAKI (POSISI HADAPAN)</p>  <p data-bbox="304 1003 748 1032">KEMEJA LELAKI (POSISI BELAKANG)</p> 	<p data-bbox="852 499 919 528">BAJU</p> <p data-bbox="900 571 1015 600">A. BAJU</p> <p data-bbox="948 607 1078 636">MATERIAL</p> <p data-bbox="948 642 1414 707">i- Material baju adalah dari jenis <i>Viscose</i> atau <i>Cotton Drill</i>.</p> <p data-bbox="948 714 1050 743">WARNA</p> <p data-bbox="948 750 1414 853">i- Warna baju pakaian kerja korporat adalah warna Biru Nilakandi (<i>Royal Blue</i>)</p> <p data-bbox="948 860 1302 889">REKA BENTUK DAN UKURAN</p> <p data-bbox="948 896 1155 925">i- BUTANG</p> <p data-bbox="1043 931 1414 1104">Baju mempunyai enam (6) butang plastik berwarna Biru Nilakandi (<i>Royal Blue</i>) yang tersembunyi dan satu (1) butang di bahagian leher.</p> <p data-bbox="948 1111 1129 1140">ii- POKET</p> <p data-bbox="1043 1146 1414 1211">Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri</p> <p data-bbox="948 1218 1134 1247">iii- PIPING</p> <p data-bbox="1043 1254 1414 1462">Ukuran tebal bagi <i>Piping</i> di bahagian lengan, atas bahu dan belakang baju berukuran 1 mm± dan tebal ukuran <i>Piping</i> bagi bahagian hadapan baju berukuran 5 mm±</p>
2.	<p data-bbox="298 1547 678 1576">LOGO PERTAHANAN AWAM</p>  <p data-bbox="298 2092 815 2121">Ukuran Logo 5 cm (Tinggi) X 4.3 cm (Lebar)</p>	<p data-bbox="852 1547 1203 1576">REKA BENTUK DAN UKURAN</p> <p data-bbox="900 1583 1347 1612">i- LOGO PERTAHANAN AWAM</p> <p data-bbox="995 1619 1414 1684">- Bunga Padi berwarna Biru Nilakandi (<i>Royal blue</i>)</p> <p data-bbox="995 1691 1414 2004">-Lambang tiga (3) segi, ikatan tali dan tapak berwarna Jingga (<i>Orange Signal</i>), dan tiga segi bendera Malaysia latar belakang berwarna Biru Gelap (<i>Navy Blue</i>), bulan dan bintang berwarna Kuning (<i>Yellow</i>) serta jalur bendera Malaysia berwarna merah dan putih.</p> <p data-bbox="995 2011 1414 2114">- Tulisan SIAP, SEDIA, SENTIASA DAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA berwarna putih.</p>

BIL.	PERKARA	SPEKSIKASI
3.	<p data-bbox="304 264 767 297">KEMEJA WANITA (POSISI HADAPAN)</p>  <p data-bbox="304 909 767 943">KEMEJA WANITA (POSISI BELAKANG)</p> 	<p data-bbox="855 264 919 297">BAJU</p> <p data-bbox="903 338 1015 371">B. BAJU</p> <p data-bbox="951 376 1078 409">MATERIAL</p> <p data-bbox="951 414 1414 477">i. Material baju adalah dari jenis <i>Viscose</i> atau <i>Cotton Drill</i>.</p> <p data-bbox="951 481 1046 515">WARNA</p> <p data-bbox="951 519 1414 622">ii- Warna baju pakaian kerja korporat adalah warna Biru Nilakandi (<i>Royal Blue</i>)</p> <p data-bbox="951 627 1302 660">REKA BENTUK DAN UKURAN</p> <p data-bbox="951 665 1158 698">i. BUTANG</p> <p data-bbox="1046 703 1414 873">Baju mempunyai enam (6) butang plastik berwarna Biru Nilakandi (<i>Royal Blue</i>) yang tersembunyi dan satu (1) butang di bahagian leher.</p> <p data-bbox="951 878 1126 911">ii. POKET</p> <p data-bbox="1046 916 1414 978">Poket jenis tebuk di bahagian dada kiri.</p> <p data-bbox="951 983 1142 1016">iii. PIPING</p> <p data-bbox="1046 1021 1414 1232">Ukuran tebal bagi <i>Piping</i> di bahagian lengan, atas bahu dan belakang baju berukuran 1 mm± dan tebal ukuran <i>Piping</i> bagi bahagian hadapan baju berukuran 5 mm± .</p> <p data-bbox="951 1236 1414 1270">iv. PLEAT (Lipatan Secara Tindih)</p> <p data-bbox="1046 1274 1414 1377">Bahagian hadapan dan belakang baju mempunyai dua (2) <i>Pleat</i> di kiri dan kanan baju.</p>
4.	<p data-bbox="296 1485 376 1518">NAMA</p> 	<p data-bbox="855 1485 935 1518">NAMA</p> <p data-bbox="903 1523 1110 1556">i. UKURAN</p> <p data-bbox="999 1561 1414 1697">Ukuran bagi nama 0.8 cm± (Tinggi) x 100% (Panjang) dan tulisan nama berwarna putih dan tulisan jenis <i>Arial</i></p>